

Import kereta guna petrol mengandungi plumbum akan diberhentikan- Mahathir

# HARGA GAS: NGV TURUN TAHUN '92

Oleh  
**Razak Rashid Ghows**

**SEGAMAT 14 Dis. —** Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kerajaan telah bersetuju mulai Januari ini harga gas asli bagi kenderaan atau NGV akan dijual pada kadar separuh daripada harga minyak petrol bagi menggalakkan penggunaan gas pada kenderaan.

Serentak dengan itu Perdana Menteri mengumumkan bahawa kerajaan juga akan menghentikan import kereta yang menggunakan petrol yang mempunyai plumbum pada suatu masa yang belum diputuskan.

Katanya, apabila peraturan ini dikuatkuasakan, kereta-kereta lama yang menggunakan plumbum akan diberi kebenaran tempoh penggunaan sehingga satu jangka waktu tamat.

Perdana Menteri berkata, penggunaan gas ash, yang sesuai dengan alam sekitar boleh digunakan bagi menggantikan bahan bakar seperti petrol dan diesel kerana ia akan dapat mengurangkan pencemaran udara.

Katanya, kenderaan-kenderaan yang boleh menggunakan bahan bakar ini termasuk 'fleet vehicles', teksi, bas dan kenderaan-kenderaan pengangkutan barang.

Berucap merasmikan Sistem Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat II

Petronas di sini hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata penggunaan NGV juga adalah lebih selamat dan lebih efisien dari petrol.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, keadaan jerebu yang serius baru-baru ini, selain berpunca dari kebakaran hutan di negara jiran, diburukkan lagi oleh pencemaran asap kenderaan.

Bercakap pada persidangan akhbar kemudian, Perdana Menteri berkata pemilik kenderaan yang ingin mengguna gas sebagai bahan bakar kenderaan mereka terpaksa berbelanja sedikit untuk memasang satu alat khas.

Katanya, Petronas akan menyediakan tempat-tempat jualan gas asli kenderaan ini di banyak tempat bagi memudahkan orang ramai memperolehi bahan itu.

Katanya, ekoran pembangunan pesat yang berlaku sekarang, jumlah kenderaan bermotor khususnya di bandar-

bandar bertambah.

Perdana Menteri berkata dari jumlah kenderaan baru yang dikeluarkan hampir 75 peratus tertumpu di Lembah Klang.

Konsentrasi kenderaan seperti ini, kata beliau, telah mengakibatkan kadar pencemaran udara meningkat.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan telah pun mengambil langkah mengawal pencemaran ini dengan mengurangkan kandungan plumbum dalam petrol dari 0.4 gram seliter kepada 0.15 gram seliter mulai tahun lepas.

Perdana Menteri berkata, beliau gembara beberapa syarikat minyak termasuk Petronas telah mengambil inisiatif sendiri memperkenalkan petrol tanpa plumbum.

Untuk memperluaskan lagi penggunaan gas di negara ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata sebuah syarikat usahasama, salahsebuahnya dari luar negara, telah ditubuhkan bagi membekalkan gas ke rumah-rumah dan industri di seluruh negara.

Katanya, langkah ini akan mewujudkan pilihan bagi sumber tenaga dan bahan bakar di samping mengurangkan penggunaan petrol dan diesel oleh kilang-kilang yang dengan sekaligus dapat mengurangkan pencemaran," ujar beliau.

Menurutnya, syarikat berkenaan kini sedang merancang tentang bagaimana cara untuk membekalkan sumber gas ini ke rumah-rumah.

"Ada kemungkinan mereka boleh adakan satu tempat simpanan gas di taman-taman perumahan dan gas disalurkan ke rumah melalui paip," kata beliau sebagai contoh.